



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Ahad, 9 Oktober 2022	
1	8 pusat penternakan babi dikenal pasti cemar pannatai Tanjung sepat
2	Ladang babi punca pencemaran
3	4,000 ekor ayam hidup hangus
4	4,000 ekor ayam hangus terbakar
5	Air kotor, berbau berpunca dari premis ternakan babi
6	Gaji tak naik sebab untung hanya 40 sen
7	Terapi haiwan peliharaan tangani tekanan

DISEDIAKAN OLEH :
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

8 pusat penternakan babi dikenal pasti cemar pantai Tanjung Sepat

pati aktiviti di kawasan ini hanyalah penternakan babi dan perladangan sawit dan disyaki aktiviti penternakan babi adalah punca kepada penurunan kualiti air parit ini," katanya menerusi satu kenyataan, semalam.

Hee berkata, aktiviti pensampelan juga dilaksanakan Lembaga Urus Air Selangor (Luas) di sekitar lokasi premis penternakan itu dan keputusan dicatatkan sangat signifikan dengan aktiviti berkaitan perternakan.

"Ekoran itu, Luas sudah mengeluarkan surat arahan kepada pemilik tanah di bawah Seksyen 121, Enakmen Luas 1999, yang mengarahkan pemilik tanah menjalankan kerja pemuliharaan dan pembaikan ke atas parit di dalam lot tanah, sehingga kualiti (air) yang akan mengalir keluar adalah berada pada tahap memuaskan.

"Dalam masa sama, pemilik tanah diarahkan untuk menjalankan kerja pemuliharaan dan pembaikan ke atas

parit yang berada di luar lot tanah," katanya.

Media pada 28 September lalu melaporkan kerajaan Selangor mengenal pasti pencemaran sumber air yang dialami penduduk Tanjung Sepat, berpunca daripada kaedah konvensional aktiviti penternakan babi dan kawasan pencemaran, berdasarkan lawatan bersepadu pihaknya ke atas beberapa premis ladang ternakan itu di kawasan berkenaan, 23 September lepas.

Ladang babi punca pencemaran

Oleh MAISARAH SHEIKH
RAHIM dan ISKANDAR SHAH
MOHAMED
utusannews@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Lokasi punca pelepasan air kotor berwarna hitam dan berbau busuk ke pantai Tanjung Sepat seperti didedahkan *Utusan Malaysia* sebelum ini disahkan berpunca dari tempat penternakan babi di kawasan berdekatan.

Ia hasil lawatan bersepadu bersama semua agensi teknikal berkaitan ke atas beberapa premis ladang ternakan babi di situ pada 23 September lalu dan mendapati lokasi punca berkaitan diusahakan lapan premis penternakan babi di atas sebuah bidang tanah persendirian berstatus pertanian.

Kesemua premis itu disahkan beroperasi dengan lesen yang didaftarkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli Selangor, Hee Loy Sian berkata, hasil siasatan mendapati terdapat air parit yang mengalir keluar daripada tanah lot persendirian dan akhirnya mengalir ke laut.

Jelas beliau, berdasarkan pemerhatian fizikal dan laporan pensampelan, kualiti air parit tersebut berada pada tahap rendah.

"Berdasarkan siasatan, aktiviti di kawasan ini hanyalah penternakan babi dan perladangan sawit, dan disyaki aktiviti penternakan babi adalah punca



KAWASAN jeti nelayan di Tanjung Sepat terjejas akibat air kumbahan dari ladang ternakan babi berhampiran. - MINGGUAN/FAISOL MUSTAFA

kepada penurunan kualiti air parit ini.

"Pensampelan dilaksanakan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) di lokasi premis penternakan bagi parameter Ammoniak Nitrogen (AN) dan Keperluan Oksigen Biokimia (BOD) sekali gus mencatatkan keputusan berada di dalam Kelas Kelima dan ia sangat signifikan dengan aktiviti-aktiviti berkaitan penternakan," katanya dalam kenyataan semalam.

Keputusan siasatan itu selari dapatan ujian kualiti air dilaksanakan sendiri akhbar ini di

Tanjung Sepat dan Bagan Lalang pada 22 September lalu dengan kerjasama sebuah makmal bebas bertauliah di Selangor selepas laporan khas berhubung isu pencemaran babi di kawasan itu disiarkan pada 15 September.

Keputusan makmal yang diperolehi pada 30 September lalu mendapati kandungan mikrobiologi air laut di dua kawasan itu adalah bahaya untuk sentuhan kulit manusia kerana kandungan mikrobiologinya melebihi piawaian ditetapkan mengikut Standard Kebangsaan Kualiti Air Rekreasi Semulajadi, Kementrian Kesihatan.

Parameter bagi kandungan *faecal coliform* di bawah ujian mikrobiologi iaitu tahap kandungan najis sama ada haiwan atau manusia dalam sumber air di kedua-dua tempat itu adalah tinggi.

Bagi air muara pantai Tanjung Sepat, dapatan nilai yang diperolehi adalah 2,500 cfu/100mL manakala di Bagan Lalang pula pada kadar lebih tinggi iaitu 3,800 cfu/100mL sekali gus melebihi standard kontak primer (mandi) bagi sentuhan kulit manusia yang ditetapkan pada kadar 100 cfu, manakala tahap

kontak sekunder pula pada kadar 1,000 cfu.

Dalam pada itu, Loy Sian berkata, bertindak atas kejadian itu, pihak LUAS mengeluarkan Surat Arahan kepada pemilik tanah di bawah Seksyen 121, Enakmen LUAS 1999 yang mengarahkan pemilik tanah menjalankan kerja pemulihan.

Ini termasuk pembalikan ke atas parit di dalam lot tanah sehingga kualitinya yang akan mengalir keluar adalah berada pada tahap baik.

Beliau berkata, pemilik tanah diarah menjalankan kerja pemulihan dan pembaikan ke atas parit yang berada di luar lot tanah disebabkan impak yang berpunca daripada parit lot tanahnya.

"Jika pemilik premis gagal mematuhi arahan dikeluarkan LUAS, satu kertas siasatan terperinci akan dilengkapkan dan diserahkan kepada pendakwa raya untuk tindakan lanjut," katanya.

Laporan khas *Utusan Malaysia* pada 15 September lalu mendedahkan penderitaan kira-kira 7,000 penduduk Tanjung Sepat berdepan masalah pencemaran sejak 30 tahun lalu.

Selain bau busuk, air dalam parit dan anak sungai di kawasan itu hitam pekat dan mengalir ke laut yang terletak kira-kira 30 meter dengan tinjauan di sekitar Kampung Ladang Tum-buk mendapati, kedudukan kandang babi hanya 50 hingga 200 meter dengan penempatan penduduk melibatkan sem-padan Kuala Langat, Teluk Bu-nut serta Tanjung Sepat.

4,000 ekor ayam hidup hangus

JELI: Kira-kira 4,000 ekor ayam hidup hangus selepas lori yang membawa muatan ternakan itu terbakar di Kilometer 10, Jalan Lebu Raya Timur Barat di sini kelmarin.

Kemalangan kira-kira pukul 12 tengah malam itu menyebabkan kerugian sebanyak RM80,000 apabila sebuah lori dan ayam-ayam itu hangus terbakar.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Jeli, Mohd. Adni Ibrahim berkata, siasatan awal mendapati, lori muatan ayam itu dipandu seorang lelaki berusia lingkungan 30-an bersama kelindannya sedang dalam perjalanan dari Lumut, Perak.

Menurutnya, semasa tiba di lokasi kejadian, lori terabit dipercayai mengalami masalah brek sebelum berlaku kebakaran secara tiba-tiba.

“Pemandu dan kelindan lori tersebut sempat keluar dari lori dan menyelamatkan diri sebelum menghubungi talian kecemasan.

“Difahamkan, bekalan ayam berkenaan akan dihantar ke Pasir Mas,” katanya ketika dihubungi *Mingguan Malaysia* di sini semalam.

Mohd. Adni memberitahu, pihaknya menerima panggilan kecemasan kira-kira pukul 12.15 tengah malam sebelum 10 anggota bersama dua buah jentera bergegas ke lokasi kejadian.

Katanya, anggota bomba mengambil masa 10 minit untuk memadam kebakaran.

“Hanya 200 ekor ayam dapat diselamatkan dalam kejadian itu manakala 4,000 ekor lagi hangus terbakar. Punca kebakaran masih dalam siasatan,” jelasnya.

4,000 ekor ayam hangus terbakar

JELI – Hajat seorang pemandu lori untuk membawa lebih 4,000 ekor ayam hidup dari Lumut, Perak ke Pasir Mas, Kelantan tidak kesampaian apabila hampir kesemua haiwan ternakan itu hangus selepas kenderaan berkenaan terbakar di Kilometer 10, Lebuhraya Timur Barat di sini kelmarin.

Kejadian kira-kira pukul 12 tengah malam itu menyebabkan kerugian sebanyak RM80,000.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Jeli, Mohd. Adni Ibrahim berkata, siasatan awal mendapati, lori muatan ayam yang dipandu seorang lelaki berusia lingkungan 30-an bersama kelindannya itu dalam perjalanan dari Lumut, Perak.

Menurutnya, sebaik tiba di lokasi kejadian, lori terbabit dipercayai mengalami masalah brek sebelum berlaku kebakaran secara tiba-tiba.

"Pemandu dan kelindan lori tersebut sempat keluar dari lori dan menyelamatkan diri sebelum menghubungi talian kecemasan.

"Difahamkan, bekalan ayam berkenaan ingin dihantar ke Pasir Mas," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Menurut Mohd. Adni, pihaknya menerima panggilan kecemasan kira-kira pukul 12.15 tengah malam sebelum 10 anggota bersama dua buah jentera berge-



SEBAHAGIAN daripada ayam yang hangus selepas sebuah lori terbakar di Kilometer 10, Lebuhraya Timur-Barat, Jeli kelmarin.

gas ke lokasi kejadian.

"Hanya 200 ekor ayam dapat diselamatkan, manakala baki-

nya hangus terbakar. Punca kebakaran masih dalam siasatan," katanya.

Air kotor, berbau berpunca dari premis ternakan babi



HOY SIAN (kanan) ketika meninjau lokasi ternakan babi bersama beberapa agensi di sekitar Tanjung Sepat, Kuala Langat semalam.

SHAH ALAM — Sebuah lokasi ternakan babi yang diusahakan lapan premis di atas tanah persendirian berstatus pertanian dikenal pasti punca pelepasan air kotor dan berbau ke pantai Tanjung Sepat dekat sini.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli Selangor, Hee Loy Sian berkata, pihaknya menerusi beberapa agensi mengatur strategi dan usaha menangani isu pencemaran air laut itu.

Kata beliau, lawatan bersepadu di beberapa ladang ternakan babi dilakukan bagi mengenal pasti punca pelepasan air kotor berwarna hitam itu seperti dilaporkan akhbar sebelum ini.

"Lokasi punca itu merupakan tempat penternakan babi diusa-

hakan lapan premis yang beroperasi dengan lesen didaftarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).

"Siasatan mendapati air parit yang mengalir keluar dari tanah lot persendirian dan ke laut itu disyaki punca kepada penurunan kualiti air tersebut," katanya dalam kenyataan semalam.

Jelas Loy Sian, pensampelan turut telah dilaksanakan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) di premis berkenaan.

"Ia bagi melihat parameter Ammoniakal Nitrogen (AN) dan Keperluan Oksigen Biokimia (BOD).

"Keputusan sampel itu berada dalam Kelas Kelima dan signifikan dengan aktiviti berkaitan perternakan," ujarnya.

Justeru, beliau memberitahu,

LUAS mengeluarkan surat arahan kepada pemilik tanah mengikut Seksyen 121 Enakmen LUAS 1999.

"Pemilik tanah itu diarah menjalankan kerja pemulihan dan pembaikan ke atas parit di dalam lot tanah sehingga kualitinya berada pada tahap memuaskan.

"Selain itu, pemilik berkenaan diminta menjalankan kerja pembaikan ke atas parit di luar lot tanahnya," katanya.

Tambah Loy Sian, satu kertas siasatan terperinci akan dilengkapkan untuk tindakan perundangan sekiranya pemilik premis gagal mematuhi arahan itu.

Bulan lalu, JPV mengarahkan semua pengusaha ternakan babi di Tanjung Sepat segera melaksanakan kerja pembersihan dan penyelenggaraan ladang.

Peniaga ayam tak mampu naikan gaji pekerja **Gaji tak naik sebab untung hanya 40 sen**

Oleh DIYANATUL ATIQA
ZAKARYA

MELAKA – Peniaga ayam mengeluh apabila hanya memperoleh keuntungan sekitar 40 sen hingga 60 sen bagi sekilogram ayam dan didakwa menjadi sebab utama mereka tidak dapat menaikkan gaji pekerja yang terlalu rendah.

Seorang peniaga, Ghazali Abu Bakar, 48, berkata, harga ayam yang diberikan oleh pemborong ketika ini adalah sekitar RM8.80 sehingga RM9 dan dijual kepada pengguna mengikut harga siling RM9.40.

Katanya, keuntungan kira-kira 40 sen hingga 60 sen itu hanya mencukupi untuk membayar gaji harian pekerja sebanyak RM50 selepas mengambil kira kos tanggungan lain termasuk makan dan minum.

“Mana cukup untung 40 sen kita nak naikan gaji pekerja, sekarang ini saya ada tiga orang pekerja dan setiap mereka dibayar RM50 setiap hari.

“Mereka ini semua tidak ada kerja lain dan mengharapkan gaji di sini. Bekalan ayam memang cukup tetapi sekarang ini kami kasihan pada pekerja kerana tak dapat nak beri lebih kepada mereka,” katanya ketika ditemui *Kosmo!* di Pasar Awam di Bachang di sini semalam.

Mengulas lanjut dia membe-



PENIAGA memotong ayam yang dibeli pelanggan di Pasar Awam di Bachang, Melaka semalam.

ritahu, kadar siling ditetapkan kerajaan itu perlu diteliti secara holistik termasuk kemampuan majikan untuk membayar pekerja dengan gaji yang sesuai mengikut keadaan semasa ekonomi.

Ujarnya, rata-rata peniaga ayam mengambil bekalan sebanyak 200 hingga 300 ekor sehari.

“Kita bukan nak bayar gaji mereka sahaja, kos pengangkutan, makan minum, sewa pasar dan perkara lain. Memang tak cukup, tapi apa boleh buat, kena berniaga juga.

“Kerajaan kena tengok semua sudut, untung 40 sen, macam mana nak naikan gaji pekerja? Sehari RM50, sebulan dalam RM1,400 sahaja itu pun kalau datang penuh (setiap hari),” katanya.

Sementara itu, seorang lagi peniaga ingin dikenali sebagai Hamzah, 56, berkata, dia hanya dapat memberikan sedikit ‘bonus’ kepada pekerjanya menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri atau ketika membeli peralatan sekolah anak saja.

Terapi haiwan peliharaan tangani tekanan

Apabila individu jatuh sakit atau mengalami kecederaan, ia boleh menyebabkan tekanan yang membawa kepada masalah kemurungan, kebimbangan dan mengurangkan kepuasan terhadap penjagaan rawatan diterima.

Terapi haiwan peliharaan terlatih dilihat boleh memberi manfaat kepada pesakit untuk menangani tekanan dengan berkesan sepanjang rawatan.

Pendekatan terapi ini boleh digunakan kepada semua peringkat pesakit daripada kanak-kanak hingga warga emas.

Konsepnya, haiwan terapi akan melawat pesakit di hospital dan berada di fasiliti kesihatan itu sepanjang pesakit dirawat.

Antara haiwan yang selalu digunakan dalam program terapi haiwan ialah kucing, anjing, burung, ikan dan anjing.

Namun ada beberapa jenis haiwan peliharaan lain yang boleh digunakan untuk terapeutik.

Terapi haiwan peliharaan terbukti mempunyai pelbagai manfaat kepada pesakit. Ia berkesan membantu pesakit mengurangkan tekanan, kesakitan, keletihan, kebimbangan, ketakutan, terasing dan kesunyian.

Selain itu, terapi ini turut meningkatkan kepuasan pesakit, tahap tenaga, harga diri, kemahiran motor, kemahiran sosial, komunikasi lisan.

Ia juga mungkin mempunyai kesan yang baik terhadap proses fisiologi seperti mengurangkan penyakit kardiovaskular dan risiko angin ahmar.

Terapi haiwan peliharaan juga boleh memberi manfaat kepada ahli keluarga dan pelawat lain.

Tidak dinafikan,



TERAPI haiwan peliharaan boleh mengurangkan tekanan dan manfaat kesihatan lain.

pendekatan terapi haiwan menimbulkan kebimbangan segelintir pihak berkenaan isu kawalan jangkitan penyakit, bunyi bising, ketakutan terhadap haiwan dan mengganggu tugas petugas kesihatan.

Bagaimanapun, kajian menunjukkan bahawa terapi haiwan peliharaan tiada kaitan dengan peningkatan insiden jangkitan penyakit, jika kaedah terapi haiwan ini dilaksanakan cara betul.

Kaedah pencegahan penyakit boleh dilakukan termasuk penggunaan cecair pembasmi kuman selepas dan sebelum haiwan peliharaan melawat pesakit di wad.

Selain itu, boleh meminta pengendali haiwan peliharaan mengelakkan meletakkan haiwan peliharaan di atas katil pesakit bagi mengurangkan risiko jangkitan dan kecederaan.